



**KENYATAAN AKHBAR**  
**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

**MUZAKARAH NUSANTARA KE-15**  
**ANJURAN ISRA BERJAYA KUMPULKAN CENDEKIAWAN**  
**SYARIAH NUSANTARA UNTUK PERBINCANGAN TENTANG**  
**INDUSTRI KEWANGAN ISLAM PASCA PANDEMIK BERTEPATAN**  
**DENGAN KRISIS EKONOMI GLOBAL**

*Dihadiri lebih kurang 300 pengamal industri kewangan Islam dan pakar Syariah tempatan dan antarabangsa, persidangan secara maya selama dua hari tersebut telah mengupas secara mendalam isu-isu yang dihadapi oleh industri kewangan Islam dalam menghadapi pandemik dan bagaimana persoalan fiqh yang timbul dapat ditangani*

---

**KUALA LUMPUR, 8 Julai 2021** – Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) telah menganjurkan **Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-15 (MUZAKARAH2021)** pada 7 hingga 8 Julai 2021 dengan tema **“Industri Kewangan Islam Pasca Pandemik: Impak, Cabaran dan Hala Tuju”**.

Persidangan secara maya tersebut berjaya menarik kehadiran lebih kurang 250 pengamal industri kewangan Islam dan pakar Syariah tempatan dan antarabangsa. Pemilihan tema adalah bertepatan dengan krisis ekonomi global masakini yang berlaku ekoran daripada pandemik COVID-19 yang masih berlarutan. Selain itu, MUZAKARAH2021 juga telah mengupas secara mendalam isu-isu yang dihadapi oleh industri kewangan Islam dalam menghadapi pandemik dan bagaimana persoalan fiqh yang timbul dapat ditangani oleh pelbagai pihak terutamanya penggubal polisi. Penekanan utama diberikan kepada impak pandemik COVID-19 ke atas institusi kewangan Islam, di samping cabaran-cabaran yang dihadapi serta menggariskan hala tuju industri ini di masa hadapan.

MUZAKARAH2021 telah dilancarkan oleh ahli Lembaga Pengarah Pusat Pengajian Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) iaitu Tan Sri Azman Mokhtar. Selain itu, majlis perasmian tersebut juga menyaksikan ucapan alu-aluan daripada Prof. Dr. Akram Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA dan Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia. Di dalam ucapan perasmianya, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, “Kita sedang menghadapi bukan satu, tetapi tiga krisis di dalam satu di mana dunia, termasuk rantau Nusantara, mengalami bencana ribut taufan yang sempurna (atau *“a perfect storm”*) di dalam tiga jangkamasa; iaitu jangkamasa pendek, pertengahan dan jangkamasa panjang. Krisis dan jangkamasa cabaran adalah bertindih dan berkait, jadi penyelesaiannya juga perlu mengambil kira penyelesaian yang menyeluruh, syumul dan bernas, berlandaskan pandangan yang benar-benar inklusif, progresif dan berihisan”.

Tambah beliau lagi, “Bertepatan dengan krisis tiga penjuru akibat pandemik Covid-19 ini, persidangan MUZAKARAH2021 selaku wadah utama bagi para cendekiawan dan pengamal industri di rantau Nusantara membahaskan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam dan membincangkan strategi serta kaedah yang paling sesuai dalam mendepani krisis krisis global ini adalah amat dialukan. Selain itu, ia juga dapat menghasilkan impak positif kepada ekonomi dan kemaslahatan masyarakat secara amnya dalam memenuhi *maqasid* Syariah”.

Mewakili Bank Negara Malaysia, Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid selaku Penolong Gabenor berkata, “Usaha pemulihan ekonomi memerlukan sokongan pelbagai pihak. Selain jentera kerajaan dan sektor-sektor asas, pelbagai lapisan masyarakat harus bersepakat dalam usaha ini. Tidak kurang juga para ilmuan yang boleh memainkan peranan penting berdasarkan kepakaran masing-masing. Krisis ini telah memberi impak yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara serantau. Pelbagai pakej rangsangan telah diperkenalkan oleh pihak berautoriti bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh individu dan perniagaan. Dalam menyokong usaha ini, institusi kewangan Islam dan ilmuan Syariah mempunyai peranan penting untuk menerapkan prinsip *ihsan* dan *adil* dalam penawaran program bantuan yang responsif terhadap keadaan semasa dan cabaran yang dihadapi oleh pelanggan”.

Di antara topik-topik yang telah dibincangkan pada MUZAKARAH2021 adalah:

- Industri Perbankan Islam: Isu-Isu dalam Implementasi Moratorium
- Pasca Moratorium: Cabaran dan Halatuju
- Industri Takaful: Pindaan Klausula Dana *Tabarru'*
- *Crowdfunding*: Sumber Kewangan Alternatif Ketika Pandemik
- Penggunaan Dana Zakat bagi Pembiayaan Asnaf yang Terkesan dengan Pandemik

Prof. Dr. Akram Laldin, Pengarah Eksekutif ISRA turut menjelaskan “Pada tahun lepas, kita telah membincangkan beberapa isu-isu Syariah semasa khususnya perihal produk-produk inovasi dalam kewangan Islam, kad kredit Islam serta isu-isu Syariah dalam inovasi teknologi kewangan (*Fintech*) bagi negara-negara serantau di Nusantara agar industri kewangan Islam secara keseluruhannya kekal relevan dalam pasaran kewangan global. Ekoran daripada krisis ekonomi global masa kini yang berlaku akibat pandemik Covid-19, pihak penganjur mengambil keputusan untuk mengupas isu-isu yang berkait rapat dengan situasi ini sebagai pengisian MUZAKARAH2021. Bagi pihak ISRA, saya mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Institusi Sokongan, INCEIF dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Ahli Komuniti, Malaysia World’s Islamic Finance Marketplace, Rakan aplikasi, I-FIKR, ISRA Consulting yang merupakan Syarikat Perundingan kepada ISRA dan juga pihak ASAS yang sentiasa memberi sokongan padu kepada acara MUZAKARAH”.

## **TAMAT**

### **Nota kepada Editor**

#### **Tentang ISRA (dalam Bahasa Inggeris)**

The International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance, more commonly known by its acronym, ISRA, has been established to promote applied research in the area of Shari’ah and Islamic finance. It also acts as a repository of knowledge for Shari’ah views (fatwas) and undertake studies on contemporary issues in the Islamic financial industry. Moreover, ISRA contributes to strengthening human capital development in Shari’ah expertise relevant to Islamic finance and provides a platform for greater engagement amongst practitioners, scholars, regulators and academicians via research and dialogue, in both the domestic and international arenas. Through pioneering research and rigorous intellectual dialogue, ISRA aims to promote innovation and dynamism and thus extend the boundaries of Islamic finance. It is envisioned that with greater research and dialogue, mutual respect and recognition will emerge within the global community of the Islamic financial industry. As a part of the International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), ISRA is able to leverage on its infrastructure and facilities as well as to tap on the knowledge, expertise and resources of its academic faculty and postgraduate students. To provide input and assistance in the strategic direction of ISRA’s research, the Council of Scholars, a group comprised of eminent local and international Shari’ah scholars, has been set up.

#### **Sebarang pertanyaan Media, sila hubungi:**

**Muhammad Nizam Bin Haji Khamis (Jiman)**

JCPR

+6019 388 7147

[nizam.jiman@gmail.com](mailto:nizam.jiman@gmail.com)